

Jangan pinggirkan graduan Diploma Pendidikan UMS

Oleh Yap Siong Han
UB 22.06.2021 P. 03

KOTA KINABALU: Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PEKADIN) merayu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya tidak menutup peluang graduan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk diambil sebagai guru DG41.

Naib Presiden PEKADIN Simon Molubi berkata, berdasarkan maklum balas, ramai graduan DPLI dari universiti itu yang hampaberkerana permohonan mereka bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 sebelum ini tidak berjaya.

Beliau berkata, subjek yang diajar di peringkat DPLI UMS amat relevan dan menyeluruh termasuk Bahasa Melayu, Sains, Matematik,



SIMON

Geografi, dan Sejarah.

“Adalah tidak wajar untuk menafikan sama sekali peluang kepada pemohon yang memiliki DPLI kerana difahamkan ada dalam kalangan mereka yang memperolehi kelayakan akademik yang cemerlang iaitu Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

“Walaupun terpaksa bersaing dengan pemohon dari

kalangan graduan Institut Pendidikan Guru (IPG) namun graduan cemerlang yang memperolehi DPLI seharusnya diberi peluang yang sewajarnya.

“PEKADIN merayu agar mereka tidak dipinggirkan semasa pengambilan guru secara ‘one-off’ akan datang,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam bagi mengulas kenyataan Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr. Radzi Jidin berhubung perkara itu.

Radzi dipetik sebagai berkata, KPM akan melaksanakan pengambilan khas secara ‘one-off’ seramai 18,702 pendidik, bagi menyelesaikan isu kekurangan guru di sesetengah negeri.

Menurutnya, negeri yang terutamanya berdepan dengan kekurangan guru adalah Sabah, Sarawak, Selangor dan Johor.